

Peranan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Dalam Pembinaan Negara

Mohd. Ainuddin Iskandar Lee Abdullah

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj adalah Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu dan kemudiannya Persekutuan Malaysia yang pertama. Beliau merupakan individu yang bertanggungjawab mengetuai usaha membawa kemerdekaan kepada negara ini. Tunku berusaha bersama rakan-rakan yang lain bagi memperjuangkan kemerdekaan negara ini daripada cengkaman penjajahan barat yang berlangsung selama hampir 400 tahun. Dalam proses mendapatkan kemerdekaan untuk negara ini, pelbagai cabaran dan dugaan ditempuhinya. Berkat kesabaran dan usaha gigihnya bersama rakan-rakan dalam parti UMNO dan Perikatan serta doa rakyat Tanah Melayu, akhirnya tanah air ini dapat menikmati kemerdekaan yang diidamkan pada 31 Ogos 1957. Walaupun Tunku adalah seorang putera raja, namun beliau dikenali sebagai seorang yang berjiwa rakyat. Justeru itu, penulis ingin berbicara perihal perjuangan individu ini dalam mengetuai perjuangan kemerdekaan dan juga pembangunan negara seperti yang diimpikan semua. Penulis akan meninjau secara umum peranan yang dimainkannya bermula daripada penglibatannya dalam arena politik sehingga terbentuknya Persekutuan Malaysia 1963.

Latar Belakang Kehidupan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj

Tunku Abdul Rahman dilahirkan pada 8 Februari 1903 di Alor Setar. Tunku merupakan putera Sultan Abdul Hamid Halim Shah dan Che Menjelara. Che Menjalara adalah anak ketua Mataban, Luang Nara Boriraks dari Siam. Oleh hal demikian, Tunku Abdul Rahman berdarah campuran antara keturunan Siam, Melayu dan Burma.

Latar belakang pendidikan Tunku bermula ketika beliau berusia 8 tahun apabila menempuh prasekolah di satu-satunya sekolah Inggeris kerajaan di negeri Kedah yang kini dikenali sebagai Kolej Sultan Abdul Hamid. Namun Tunku tidak lama bersekolah di situ. Kemudian beliau dihantar ke Bangkok pada tahun 1913. Apabila tercetusnya Perang Dunia Pertama, Tunku terpaksa kembali ke Kedah akibat kemangkatan abangnya dalam perang tersebut. Tunku meneruskan pelajarannya di Penang Free School pada 1915 dan pada tahun 1919 Tunku dikurniakan hadiah pelajaran oleh kerajaan negeri Kedah yang pertama bagi melanjutkan pelajaran ke England akibat daripada penyusunan rancangan baru kerajaan Kedah yang menawarkan biasiswa kepada anak-anak tempatan bagi melanjutkan pelajaran mereka ke Universiti di seberang laut.

Di Universiti St. Catherine's, Tunku mula menuntut dalam jurusan undang-undang. Tunku mengalami diskriminasi kaum di universiti apabila permohonannya untuk tinggal di kolej ditolak kerana masalah warna kulit. Pengalaman ini memberi kesan yang mendalam dan peristiwa itu menyalaikan semangat nasionalisme bagi membebaskan bangsa Melayu daripada pemerintahan British. Pada Disember 1925, Tunku lulus dalam peperiksaannya dan menerima Ijazah Sarjana Muda Sastera dari Universiti Cambridge. Kejayaan beliau adalah petanda baik dalam menaikkan martabat orang Melayu kerana ia adalah kali pertama seorang putera diraja Kedah mendapat kelulusan tinggi dari sebuah universiti di Britain. Selepas enam tahun berada di England, akhirnya Tunku Abdul Rahman membuat keputusan kembali ke Kedah.

Pada tahun 1930, Tunku sekali lagi gagal dalam peperiksaannya dan pulang ke tanah airnya bagi berkhidmat sebagai seorang pegawai daerah di beberapa tempat yang berlainan di Kedah seperti di Kulim dan Kuala Nerang. Sepanjang tempoh perkhidmatan, Tunku sering bertelagah pendapat dengan pegawai-pegawai lain di Pejabat Setiausaha Kerajaan Kedah. Ini menyebabkan Tunku kembali ke England sekali lagi bagi mempelajari bidang undang-undang pada 1938. Semasa menuntut di London, Tunku sentiasa memikirkan nasib kaum Melayu yang tidak bersatu padu di tanah air. Akhirnya Tunku melibatkan dirinya dalam bidang politik dengan menjadi Setiausaha Kehormat dalam Persatuan Melayu Great Britain dan Tunku mula berkecimpung dalam dunia politik.

Sewaktu pemerintahan Jepun, Tunku diberi jawatan sebagai Pegawai Penguasa Pelajaran negeri Kedah dan dari situ Tunku mula menanamkan semangat kebangsaannya demi mendirikan sebuah pemerintahan yang bercorak demokratik. Setelah itu, Tunku mula bergiat aktif dalam bidang

politik negara dan seterusnya menyumbang kepada proses perolehan kemerdekaan bagi Tanah Melayu.

Sepanjang hidupnya, Tunku berkahwin dengan tiga orang wanita daripada keturunan yang berbeza. Pada tahun 1933, Tunku Abdul Rahman berkahwin dengan seorang anak saudagar bijih timah yang berbangsa Cina berdarah campuran Siam Cina yang bernama Meriam. Malangnya, Meriam meninggal dunia kerana demam Malaria dalam jangka masa tiga puluh hari selepas melahirkan anak kedua. Selepas itu, Tunku berkahwin dengan seorang wanita British yang bernama Violet Coulson pada tahun 1935 yang merupakan kenalan lamanya di London. Namun demikian perkahwinan tersebut tidak berkekalan dan akhirnya Tunku bercerai secara rasminya dengan Violet. Pada tahun 1939, Tunku berkahwin dengan seorang perempuan keturunan Arab yang bernama Sharifah Rodziah Bt. Syed Alwi Barakbah yang memainkan peranan penting dalam mencorak hidup Tunku Abdul Rahman.

Pengalaman hidup dan latar diri Tunku yang berjiwa rakyat meninggalkan kesan yang mendalam ke atas hubungan peribadi di kalangan pemimpin dunia mahupun rakyat jelata. Semangat dan keperibadian yang sederhana menyebabkan Tunku disenangi oleh pelbagai lapisan masyarakat. Sumbangan beliau dalam membebaskan tanah air daripada belenggu penjajahan Inggeris menjadi satu catatan sejarah yang cukup bernilai. Sumbangan Tunku adalah demi kemerdekaan bangsa dan mengembalikan maruah negara yang berdaulat. Peristiwa pada malam 30 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor sukar dilupakan ketika tepat pukul 12 tengah malam, bendera Tanah Melayu dinaikkan menggantikan Union Jack. Pada 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka, Tunku membaca Perisytiharan Kemerdekaan. Dalam kedua-dua peristiwa itu, pekikan ‘Merdeka’ daripada Tunku berkumandang disambut gembira oleh ribuan rakyat di situ, dan jutaan lagi yang mengikuti siaran radio. (Miller, Harry, 1982)

Tunku Dalam Arena Politik

Semasa zaman kolonial Inggeris di Tanah Melayu, Tunku sering kali bersuara lantang mengkritik dan berusaha membawa perubahan kepada masyarakat tempatan. Tindakan beliau menyebabkan ia tidak disenangi oleh beberapa orang pegawai kolonial British. Pada tahun 1935, ketika Tunku bertugas di Kuala Nerang, beliau memperjuangkan supaya keadaan kesihatan dan perubatan di situ diperbaiki, kerana daerah itu dikatakan sebagai sarang malaria. Pada tahun 1940 Tunku dilantik menjadi Timbalan Pengarah Perbadanan Awam, Kedah Selatan. Apabila Jepun menyerahkan Kedah kepada negara

daripada tahun 1941, Tunku dilantik menjadi Penyelia Pelajaran. Jawatan ini dipegangnya hingga British berkuasa semula di Kedah dan di seluruh negara. Didorong oleh keazaman yang kuat, Tunku ke England pada tahun 1947 bagi menghabiskan pelajarannya di Inns of Court dan akhirnya beliau berjaya mendapat kelayakan undang-undang dan pulang ke Kedah. (Tunku Abdul Rahman, 1984: 25-30). Tidak lama selepas Tunku pulang ke Kedah, beliau dijadikan Pengurus Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Kedah. Dalam dua tahun beliau di England sebelum itu, beliau banyak bergaul dengan penuntut-penuntut dari negara-negara yang baru merdeka ataupun sedang berjuang bagi mencapai kemerdekaan. Kesedaran politik Tunku berkembang sepenuhnya. Tunku Abdul Rahman yang pada mulanya cuma berjawatan sebagai pengurus UMNO bahagian negeri Kedah dipilih sebagai Presiden UMNO bagi mengisi kekosongan ekoran perletakkan jawatan Dato' Onn bin Jaafar. Ini memulakan perjuangan beliau dalam mencapai kemerdekaan. Sewaktu Tunku menerajui pucuk pimpinan UMNO, beliau menghadapi pelbagai kesulitan kerana sebelum ini beliau memegang jawatan lain.

Pemberhentian pegawai-pegawai yang arif dalam UMNO yang mengikut jejak langkah Dato' Onn bagi memasuki IMP menyulitkan lagi masalah disebabkan UMNO kehilangan orang-orang yang berkebolehan. Dalam usaha menuntut kemerdekaan Tunku menjadikan isu penyatuan kaum sebagai syarat utama bagi kemerdekaan. Orang Melayu dan Cina membuktikan, mereka boleh bekerjasama dan berjuang bagi mendapatkan kemenangan dalam pilihan raya Municipal di Kuala Lumpur. Dalam rundingan antara Tunku dengan ketua Cina, Tunku mendapatkan pengakuan daripada mereka bahawa hak-hak Melayu seperti tanah-tanah simpanan untuk orang Melayu diperluaskan dan hak-hak jawatan tinggi di dalam pentadbiran tidak boleh diganggu. Mereka juga bersetuju dengan pemerintahan Beraja yang diamalkan dan pada masa yang sama orang Melayu mesti bersetuju bahawa orang-orang asing dibolehkan memohon kerakyatan mengikut undang-undang yang diluluskan.

Pada tanggal 26 Ogos 1951, Tunku Abdul Rahman mengambil alih tempat Dato' Onn bin Jaafar sebagai presiden UMNO. Selepas pengambilalihan jawatan tersebut, Tunku Abdul Rahman menghadapi beberapa masalah rumit. Antaranya adalah seperti berikut:

- Masalah hendak meyakinkan ahli-ahli UMNO dan orang-orang Melayu berkenaan kebolehannya sebagai seorang pemimpin yang benar-benar bertanggungjawab.
- Masalah hendak meyakinkan ahli-ahli UMNO dan orang-orang Melayu kepada UMNO sebagai sebuah Pertubuhan yang membela

nasib orang-orang Melayu.

- Masalah hendak mempertahankan ahli-ahli UMNO daripada pengaruh dan hasutan musuh-musuh UMNO.
- Masalah hendak menggerakkan semula Bahagian dan cawangan UMNO yang hampir mati.
- Masalah hendak membanyakkan ahli UMNO.

Hal ini disebabkan sesetengah ahli UMNO berpendapat, tiada seorang pemimpin pun boleh mengantikan tempat Dato Onn bin Jaafar lalu meninggalkan UMNO dan mereka yang masih berada dalam UMNO juga masih ragu-ragu dengan kemampuan Tunku Abdul Rahman. Sehubungan dengan itu, beliau mengambil langkah pertama iaitu meletakkan jawatan sebagai Timbalan Pendakwa raya seperti yang dijanjikan bagi menyelesaikan masalah tersebut. Sebaliknya, satu perisytiharan yang tegas dibuat oleh Tunku iaitu ahli UMNO yang menjadi ahli parti politik Datuk Onn akan dipecat. Perbuatan Tunku Abdul Rahman meletakkan jawatan Timbalan Pendakwa raya, semata-mata kerana menceburkan diri dalam UMNO itu menjadi daya penarik untuk orang ramai mula mempercayai bahawa Tunku memang jujur dan sanggup berkorban jawatan yang bergaji tinggi.

Hal ini meyakinkan ramai orang bahawa Tunku lebih mengutamakan faedah orang ramai daripada faedah dirinya sendiri. (Ibrahim Mahmood, 1981) Seterusnya, Tunku pun mula menjalankan langkah dan rancangan menyusun semula UMNO dengan mengadakan lawatan-lawatan ke merata rantau untuk memberi penerangan dan galakan di seluruh negeri. Tunku mengarahkan ketua dan pegawai UMNO supaya masing-masing menyusun semula dan menguatkan UMNO dengan cara memperbanyakkan ahli. Dengan usaha Tunku dan pemimpin-pemimpin UMNO yang lain, dalam masa tiga bulan sahaja UMNO mempunyai nafas baru di mana perkembangan UMNO bukan setakat di Tanah Melayu sahaja, malah hingga ke Singapura.

Dalam bulan November 1952, satu persidangan Kongres Asia bagi Persekutuan Dunia atau *Asian Congress For World Federation* diadakan di Tokyo, Jepun. Dalam persidangan tersebut, Tunku memperkenalkan perjuangan UMNO yang hendak mencapai kemerdekaan kepada dunia luar. Pada akhir bulan Oktober 1952, rombongan Tunku yang terdiri daripada Encik Abdul Aziz Ishak dan Syed Abdullah bin Omar Al-Saggof bertolak ke Tokyo. Pemergian dan kehadiran Tunku ke dalam persidangan tersebut adalah peristiwa bersejarah bagi perjuangan UMNO di bawah pimpinan Tunku. Ini disebabkan sebelumnya, tiada seorang pemimpin UMNO pun yang pergi ke

luar negara untuk memperkenalkan perjuangan UMNO kepada dunia luar. (Ibrahim Mahmood, 1981) Dalam masa antara tahun 1952-1953, sebahagian besar usaha UMNO ditumpukan kepada satu matlamat iaitu menghidupkan semangat merdeka dan perasaan cinta kemerdekaan. Cita-cita kemerdekaan itu memberi kesan yang mendalam. Kalimah ‘merdeka’ menjadi suatu perangsang yang disuarakan dengan bersemangat oleh segenap lapisan orang Melayu di bandar dan kampung.

Dalam memperjuangkan kemerdekaan, UMNO menghadapi pelbagai kesukaran seperti tentang daripada orang-orang yang mencari faedah diri sendiri. Agama Islam turut digunakan sebagai alat bagi merosakkan perjuangan UMNO. Bagi membuktikan kesungguhan UMNO menuntut kemerdekaan, Tunku menggantikan salam ‘Tabik Tuan’ kepada slogan baru iaitu ‘merdeka’. Semasa Mr. Littleton, Menteri Jajahan Takluk Inggeris melawat Tanah Melayu, Tunku dan rombongan UMNO yang disertai Datuk Abdul Razak, C.M. Yusuf dan Sardon Jubir berbincang berkenaan tuntutan bagi mendapatkan kemerdekaan. Mr. Littleton menyatakan bahawa kemerdekaan akan diserahkan selepas darurat tamat dan seluruh bangsa negara bersatu. Pesuruhjaya Tinggi British mengumumkan bahawa dasar kerajaan British ialah memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu apabila rakyat bersatu padu. (Ahmad Fawzi Basri, 1991)

Pada awal tahun 1950-an, daripada segi hubungan dengan Kerajaan British, UMNO kelihatan sebagai parti pembangkang. Pesuruhjaya Tinggi Gerald Templer menjelaskan perancangan British bagi mengadakan pilihan raya. Gerald Templer juga cuba menyelesaikan isu kerakyatan. Tunku selaku presiden UMNO menyetujui dengan syor mendapatkan kerakyatan secara undang-undang dan secara *naturalization*, tetapi tidak bersetuju dengan syor memberi kerakyatan kepada orang bukan Melayu yang masuk berkhidmat dalam pasukan keselamatan selama tiga tahun. Pada masa itu, kekuatan UMNO terbina daripada bawah iaitu daripada rakyat jelata. Dengan demikian, UMNO berdiri kuat atas asas yang kukuh kerana tulang belakangnya rakyat jelata.

Pada 3 April 1953 Tunku menetapkan pengubahan dasar perjuangan UMNO yang bercogan kata ‘Hidup Melayu’ kepada ‘merdeka’. Ini bermakna rakyat dapat membebaskan diri daripada naungan kerajaan British. Kemerdekaan yang UMNO hendak capai adalah dengan memperoleh kemerdekaan yang diambil daripada tangan British. Namun demikian, British tidak memberikan kemerdekaan kepada orang Melayu kerana menganggap keadaan huru-hara akan berlaku antara penduduk sekiranya diberi

kemerdekaan kepada orang Melayu. Tunku menunjukkan dan mengesahkan bahawa Tanah Melayu bersedia menerima kemerdekaan dan persefahaman antara kaum khususnya dengan orang Cina telah terbina. Dengan keputusan ini menunjukkan perjuangan UMNO bagi mencapai kemerdekaan dimulakan dan perjuangan ini diteruskan tanpa berlengah sehingga kemerdekaan tercapai. Perjuangan UMNO bukan merupakan perjuangan askar yang memperjuangkan jalan tembak-menembak tetapi sebaliknya UMNO menghendaki pencapaian kemerdekaan melalui jalan Perlembagaan. Tangga pertama yang bagi mencapai kemerdekaan ialah melalui pilihan raya. (Aziz Zariza Ahmad, 1987)

Tunku dan Parti Perikatan

Pada 2 Disember 1951 Tunku pertama kalinya mengumumkan cadangan berkenaan kemerdekaan kepada pihak kerajaan British melalui Sir Lytelton. Namun demikian kerajaan British membuat kenyataan tidak akan memberi kemerdekaan kepada orang Melayu melainkan orang Melayu mendapat kerjasama dengan penduduk-penduduk asing di Tanah Melayu. Bagi mencapai kemerdekaan melalui Perlembagaan, pilihan raya perlu diadakan. Parti yang kuat akan menduduki kerusi di Majlis Undangan Persekutuan dan seterusnya menubuhkan kerajaan dan pemerintahan negeri itu. Sambutan hebat yang ditunjukkan dalam pilihan raya Majlis Bandaran dan Tempatan membuktikan rakyat memerlukan perwakilan yang baik bagi mencapai cita-cita mereka. Kesedaran rakyat dalam menentukan hak mereka sendiri begitu membanggakan Tunku.

Pada 19 Jun 1953 rundingan Meja Bulat diadakan antara tiga badan iaitu UMNO, MCA dan Parti Buruh bagi membincangkan berkenaan keamanan negara, corak pemerintahan kerajaan merdeka dan pilihan raya yang akan diadakan pada tahun 1954. Pada mulanya ketiga-tiga badan bersetuju dengan perkara yang dibincangkan tetapi di saat-saat akhir Parti Buruh menarik diri. Tunku Abdul Rahman membuktikan kewarganegaraan beliau apabila Parti Perikatan berjaya ditubuhkan hasil daripada kerjasama bersama-sama dengan MCA dan kemudiannya disertai pula oleh MIC. Tunku Abdul Rahman mene-gaskan bahawa kemerdekaan hanya akan dapat dicapai melalui kerjasama antara kaum Melayu, Cina dan India.

Dalam menuntut kemerdekaan, Perikatan mencadangkan bahawa dua dewan perlu diadakan bagi Malaya merdeka iaitu satu Dewan Perwakilan Rakyat yang dipilih oleh rakyat sendiri dan Dewan Perwakilan Raja-Raja yang mana perwakilannya ditentukan oleh raja-raja yang terdiri daripada

wakil-wakil negeri, kaum minoriti dan pakar bidang-bidang tertentu. Bagi menjalankan polisi negara, satu Jemaah Menteri yang tersusun dan terdiri daripada ahli-ahli parti yang memenangi pilihan raya dengan diketuai oleh seorang menteri perlu diadakan. Seperti yang dipersetujui sebelum ini, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris diiktiraf sebagai bahasa rasmi. Namun demikian, langkah-langkah bagi menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan sebagai bahasa ilmiah di sekolah-sekolah dijalankan.

Undang-undang secara Kolonial diubah kepada corak pemerintahan demokrasi. Soal kemasukan pendatang asing perlu diselesaikan dengan pembentukan suatu undang-undang yang akan mengiktiraf kerakyatan seseorang hanya selepas beberapa tahun seseorang itu menetap di Tanah Melayu. Mengenai kedudukan Raja-Raja pula, Raja-Raja Melayu akan diiktiraf sebagai Ketua Negara yang berperlembagaan dan Raja Berdaulat di negeri masing-masing. Terdapat beberapa perkara mengenai hak-hak asasi turut dibincangkan. Ia termasuk kebebasan beragama, kebebasan bergaul, berkumpul dan bergerak secara aman menurut undang-undang, kebebasan berlindung di bawah sebarang undang-undang yang diakui kebebasan memiliki, menjual dan menggadai harta pusaka, kebebasan mencari penghidupan baru, perlindungan daripada perbuatan zalim dan kebebasan memelihara kumpulan-kumpulan minoriti dan hak-hak yang patut bagi mereka.

Selain itu, pentadbiran negeri juga dijalankan dalam rangka persekutuan seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan. Dalam beberapa tahun yang berikut, Tunku berusaha ke arah perpaduan. Beliau menjelajah ke serata dunia untuk bertemu dengan rakyat. Sikap beliau yang sederhana dan ramah menyebabkan beliau dihormati dan dikasihi oleh semua kaum dan golongan masyarakat. Pada saat itu dalam sejarah, Tunku adalah orang yang dapat menyatukan pelbagai kaum, menjalin pengertian harap-cemas antara satu sama lain dan berusaha bersama mereka mencari penyelesaian masalah-masalah politik negara supaya seluruh rakyat dapat mara menuju ke arah kemerdekaan.

Pada tahun 1951, Tunku Abdul Rahman mula memimpin UMNO dengan hasrat mencapai kemerdekaan. Tunku tidak membuka pintu UMNO kepada bangsa-bangsa asing sebaliknya berusaha menggabungkan parti MCA dan MIC untuk bersatu dalam satu parti yang dikenali sebagai Parti Perikatan. (Yusof Ismail dan Khayati Ibrahim, 1996) Dengan itu, Parti Perikatan UMNO-MCA mula ditubuhkan pada awal-awal tahun 1952 iaitu ketika pilihan raya Bandaran Kuala Lumpur hendak diadakan bagi kali pertama. Selepas bermuafakat dan membentuk persefahaman antara pemimpin-pemimpin

UMNO dan MCA di Kuala Lumpur, mereka mengadakan suatu pakatan percantuman antara UMNO Kuala Lumpur dan MCA dengan tujuan kedua-dua badan itu bersatu untuk bertanding dalam pilihan raya itu. Percantuman itu dinamakan UMNO-MCA atau Perikatan UMNO-MCA. Pada mulanya, Perikatan ini mendapat sambutan yang mengandungi perasaan curiga dan ragu-ragu di kalangan UMNO, MCA dan parti-parti lawan. Walau bagaimanapun, Tunku dan jawatankuasa Kerja Agung UMNO bersetuju dengan Perikatan itu.

Dalam Pilihan raya Bandaran Kuala Lumpur yang pertama itu diadakan, pihak Perikatan berjaya dengan mendapat kemenangan yang gemilang iaitu berjaya memenangi 9 kerusi daripada 12 buah kerusi yang dipertandingkan. Perikatan pun mula berkembang ke seluruh negara. Selain daripada Selangor, negeri yang pertama menerima dasar Perikatan ialah Johor, iaitu pada akhir-akhir tahun 1952. (Ibrahim Mahmood, 1981) Dalam masa pilihan raya Majlis Bandaran Johor Bahru, Muar, Segamat, Batu Pahat dan Keluang diadakan, UMNO dan MCA Johor mengadakan Perikatan dan masuk bertanding dalam semua Pilihan raya. Kemudian negeri Kedah dan Negeri Sembilan mengadakan Perikatan UMNO-MCA di negeri masing-masing apabila Pilihan raya Majlis Bandaran Alor Setar, Sungai Petani di Kedah dan Seremban di Negeri Sembilan diadakan. Kesemua pilihan raya tersebut menunjukkan parti Perikatan mendapat kejayaan yang amat memberangsangkan.

Dalam bulan Ogos, 1952, iaitu kira-kira lima bulan sahaja selepas UMNO dan MCA mengadakan Perikatan di dalam Pilihan raya Municipal Kuala Lumpur itu, perasaan curiga dan ragu-ragu masih belum habis terkikis dalam hati sesetengah ahli UMNO atas persahabatan itu. Tiba-tiba tersiar berita akhbar bahaw Dr. Victor Purcell iaitu penasihat MCA di England tiba ke Tanah Melayu. Dr. Purcell terkenal sebagai seorang yang terlalu pro-Cina dan anti-Melayu. Berita kedadangannya menimbulkan kegemparan di kalangan UMNO kerana ia akan menjadi orang tengah bagi mengadakan rundingan-rundingan antara UMNO dengan MCA. Kedatangan Dr. Purcell sedikit sebanyak memberi tekanan persahabatan yang baru terjalin antara kedua-dua parti. Namun, dalam persidangan UMNO di Butterworth, Tunku Abdul Rahman menyatakan, orang-orang Cina dan orang-orang Melayu sudah lama bersahabat dan tiada perselisihan faham antara dua bangsa ini. Apabila ada sebarang perselisihan, pemimpin-pemimpin dua bangsa ini dapat berunding bersama tanpa memerlukan orang tengah. Ucapan Tunku yang menyuarakan rundingan terus-menerus itu menarik hati pemimpin-pemimpin MCA.

Dengan ini, segala bencana dan keburukan yang dijangka akan berlaku

akibat campur tangan Dr. Purcell itu terhapus. (Ibrahim Mahmood, 1981) Dengan adanya penerimaan baik daripada pemimpin-pemimpin MCA yang bertukar sikap itu, persetujuan mengadakan rundingan antara dua pihak dicapai. Pada 3 Februari 1953, rundingan meja bulat yang pertama diadakan di Kuala Lumpur. Sebelum rundingan itu dijalankan, Tunku meletakkan satu syarat yang dikehendaki menjadi dasar rundingan itu. Syarat itu ialah pihak MCA hendaklah menerima dan mengiktiraf negeri ini sebagai negeri Melayu dan segala hak kepada orang Melayu tidak boleh dipersoalkan lagi. Tujuan Tunku meletakkan syarat ini bagi menyedarkan pihak MCA berkenaan taraf orang Melayu yang sebenar, serta menguji kejujuran pemimpin-pemimpin MCA dalam perhubungannya dengan UMNO. Akhirnya, pihak MCA menerima dan mengakui hakikat itu serta bersetuju rundingan itu berjalan atas dasar itu.

Pada 3 Februari 1953, rundingan meja bulat antara UMNO dan MCA yang pertama diadakan di Kuala Lumpur. Rundingan itu berjalan secara bebas dan terbuka dengan tujuan supaya kedua-dua pihak mengeluarkan isi hati masing-masing secara jujur dan berterus-terang. Hal ini bertujuan mencari persefahaman bagi mengadakan perhubungan baik, hormat-menghormati hak masing-masing serta bekerjasama dalam usaha membina dan mengekalkan keamanan negara. Wakil-wakil yang menghadiri rundingan meja bulat antara UMNO dan MCA itu ialah:

UMNO diwakili oleh: -

- Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Yang Di Pertua UMNO.
- Dr. (Tun) Ismail bin Datuk Abdul Rahman Naib Yang Di Pertua UMNO.
- Encik (Tan Sri) Saadon bin Haji Zubir, Ketua Pemuda UMNO.
- Encik Bahaman bin Shamsuddin, Ahli Jawatankuasa Kerja Agung UMNO.
- (Tan Sri) Syed Nasir bin Ismail, Ahli Jawatankuasa Kerja Agung UMNO.

MCA diwakili oleh: -

- Datuk Sir Cheng Lock Tan, Yang Di Pertua MCA.
- Col. (Tun) H.S. Lee, Naib Yang Di Pertua MCA.
- Mr. Leong Yew Koh, Setiausaha MCA.
- Mr. S.M. Yong, Ahli Jawatankuasa Pusat MCA.

- Mr. (Tan Sri) T.H. Tan sebagai Setiausaha rundingan meja bulat.

Pada 21 Februari 1953, rundingan meja bulat yang kedua diadakan di Singapura dan rundingan yang ketiga diadakan di Johor Bahru pada 16 Mac 1953. (Ibrahim Mahmood, 1981) UMNO semakin teguh dan Perikatan berjalan terus dengan mencapai kemenangan-kemenangan luar biasa dalam pilihan raya-pilihan raya yang diadakan. Dengan kemenangan-kemenangan Perikatan itu, bukan sahaja pihak parti lawan tetapi pihak kerajaan Inggeris juga berasa tidak senang hati dengan kekuatan dan pengaruh Perikatan itu. Tahun 1955 ialah tahun kejayaan-kejayaan besar bagi Perikatan.. Antaranya termasuk kemenangan Perikatan dalam semua pilihan raya, membentuk dan menubuhkan Kerajaan Persekutuan, persetujuan Duli-Duli Yang Maha Mulia, pengakuan British hendak memberi Kemerdekaan, sokongan semua parti politik dan lain-lain pertubuhan kaum serta perjumpaan dengan Chin Peng.

Setiausaha Tanah Jajahan British di dalam perintahnya kepada Sir Gerald Templer telah menegaskan kehendak kepada satu bangsa yang bersatu daripada semua kaum sebelum dapat diberikan taraf berkerajaan sendiri kepada Malaya. Hasilnya, pihak Perikatan membuat suatu rancangan bagi menyatupadukan semua kaum. Perikatan menjemput parti-parti kaum India, Serani dan Parti Buruh Malaya menghadiri kongres yang dianjurkan oleh Perikatan dengan tujuan hendak mengadakan perikatan dengan semua parti. Tujuan ini ditolak oleh pihak itu dan perhimpunan kebangsaan yang diadakan di Hotel Majestic hanya dihadiri oleh pihak UMNO, MCA, Persatuan Islam dan beberapa parti kecil lain.

Hari ini Malayan Indian Congress (MIC) mengubah fikiran dan menyertai parti Perikatan. Perhimpunan Kebangsaan anjuran UMNO-MCA pada 23 Ogos 1953 mendesak pilihan raya Majlis Undangan Persekutuan diadakan pada tahun 1954, iaitu sebagai persiapan untuk merdeka. Tunku mahu merdeka dalam Komanwel. Musuh UMNO pada tahun 1953 ialah kumpulan penentang UMNO yang menghadiri Persidangan Kebangsaan atau *The National Conference* tajaan IMP dan menteri-menteri besar. Persidangan ini gagal melahirkan satu “Barisan Nasional” bagi memperjuangkan kemerdekaan. Maka, ini menjadikan cabaran mereka kepada UMNO-MCA juga meleset. (Ahmad Fauzi Basri, 1991: 57)

Pada 18 April 1954, satu persidangan UMNO diadakan di Melaka dengan tujuan meminta persetujuan persidangan itu supaya mengizinkan wakil UMNO iaitu Tunku Abdul Rahman dan Dato' Abdul Razak berangkat ke London bersama-sama wakil MCA iaitu Tan Cheng Lock dan T. H. Tan

berunding terus dengan Kerajaan Inggeris berkenaan isu pilihan raya Persekutuan itu. Perikatan UMNO-MCA meminta supaya 60 peratus kerusi Majlis Undangan Persekutuan dipilih. Rundingan ini tidak berjaya. Sekembalinya dari London, UMNO-MCA melancarkan taktik politik dengan meminta cadangan pilihan raya digantung dan sebuah suruhanjaya ditubuhkan bagi mengkaji semula masalah pilihan raya Persekutuan itu. Taktik kedua ialah syor Perikatan bagi mengadakan semula perhimpunan kebangsaan semua parti politik bagi mengesahkan tuntutan asas dan mengadakan pilihan raya yang berkesan. Pada 14 Jun, Perikatan mengarahkan semua ahli Perikatan meletakkan jawatan daripada majlis EXCO, Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Negeri dan Negeri-Negeri Selat, Municipal dan Lembaga Bandaran. Akhirnya, British mengajak mereka berunding segera.

Pada 2 Julai 1954, pesuruhjaya tinggi baru, Sir Donald Mac Gillivray bertemu dengan pemimpin Perikatan iaitu Tunku Abdul Rahaman, Dr. Ismail dan Kolonel H.S.Lee bagi memecahkan kebuntuan hasil perundingan yang diadakan di Singapura pada 7 Julai. Diumumkan bahawa perhimpunan Persekutuan memberikan peruntukan melantik lima lagi ahli kepada parti yang mendapat undi majoriti. Dalam pilihan raya 1955, Perikatan memenangi 51 undi, dengan lima kerusi tambahan daripada ahli yang dilantik. Perikatan memperoleh 60 kerusi seperti diperjuangkan. Selepas 7 Julai, semua ahli Perikatan menduduki semula kerusi Majlis-Majlis Mesyuarat peringkat Persekutuan, Negeri, Bandaran dan Kerajaan Tempatan lain. Keadaan ini mengembalikan kekuatan politik Perikatan di mata pengundi. (Ahmad Fauzi Basri, 1991)

Rundingan Baling

Tunku turut berusaha sedaya upaya bagi menamatkan pengganasan Komunis secara damai. Rundingan Baling diadakan pada 28-29 Disember 1955 antara Parti Komunis Tanah Melayu yang diwakili oleh Chin Peng, Chen Tien dan Rashid Maidin dengan Kerajaan yang diwakili oleh Too Joo Hing, David Marshall, Tun Tan Cheng Lock dan Tunku. Akhirnya, Chin Peng menolak cadangan Tunku supaya komunis meletak senjata tanpa syarat. Tunku meneruskan usaha bagi memerangi perkembangan kegiatan Komunis di Tanah Melayu.

Sebelum itu, Tunku Abdul Rahman menyatakan pendirian dan akuannya berkenaan soal menghapuskan keadaan darurat itu. Sebenarnya beberapa bulan sebelum diadakan pilihan raya Persekutuan, Yang Teramat Mulia Tunku, dalam satu ucapannya kepada orang ramai di Kulai iaitu sebuah tempat yang terkenal sebagai sarang pengganas Komunis di Johor, beliau menyeru pengganas-

pengganas itu menyerah diri menerusi Perikatan dan Tunku sendiri menjamin keselamatan mereka dengan jiwanya. "Saya menjamin dengan jiwa saya sesiapa juga yang menyerah diri menerusi Pertubuhan kita, tidak akan hilang jiwanya."

Demikianlah akuan Tunku, yang bererti menggadaikan jiwanya sendiri sebagai ganti jiwa komunis yang menyerah diri, bagi menghapuskan darurat di negara ini. Tawaran Tunku ini tidak mendapat sambutan kerajaan. (Ibrahim Mahmood, 1981) Selepas Perikatan berkuasa, rancangan pengampunan beramai-ramai pun dilaksanakan dengan tegasnya sebagai suatu usaha bersungguh-sungguh bagi menghapuskan keadaan darurat. Dalam minggu pertama bulan September 1955 Perisyiharan Syarat-syarat Pengampunan Beramai-ramai dilancarkan menerusi radio dan cara-cara lain, termasuk penaburan berjuta-juta risalah daripada udara. Bersaingan dengan Perisyiharan itu, Tunku Abdul Rahman, atas nama Ketua Menteri, telah sertakan suatu perutusan kepada seluruh rakyat Tanah Melayu.

Sebenarnya Kerajaan Perikatan hendak menamatkan keadaan darurat dengan dua peringkat. Perancangan pengampunan beramai-ramai ialah peringkat pertama iaitu secara Perlembagaan dan sekiranya rancangan itu tidak berjaya, langkah yang kedua ialah kerahkan seluruh tenaga rakyat mengangkat senjata menentang kekerasan dengan kekerasan. Pengaruh pengampunan beramai-ramai itu mendarangkan kesan ke atas orang-orang komunis, terutama Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya, Chin Peng. Bukan sahaja sesetengah anggota komunis itu keluar daripada hutan menyahut seruan pengampunan beramai-ramai itu, malah Chin Peng sendiri menyatakan kesanggupannya hendak menemui Tunku Ketua Menteri bagi berunding berkenaan perkara darurat dan pemulihan keamanan dalam negeri.

Pada 7 Oktober 1955, Tunku Abdul Rahman berucap buat kali ketiga melalui radio berkenaan dengan pengampunan beramai-ramai, menyatakan bahawa sepucuk surat yang penting diterima olehnya dari Ibu Pejabat Parti Komunis. Butir-butir yang terkandung dalam surat itu berkenaan kehendak mereka untuk bertemu dengannya. Tetapi dengan satu syarat, iaitu diberhentikan tembak menembak dan diminta dielokkan lagi syarat-syarat tawaran dan juga komunis mengaku akan kejujuran dan keikhlasannya, Tunku, dan Datuk Sir Tan Cheng Lock berkenaan dengan perjuangan politik di Malaia. Dengan sebab inilah mereka bersetuju hendak berjumpa dengannya dan Datuk Sir Tan Cheng Lock di Kuala Lumpur.

Tunku menyatakan persetujuannya hendak berjumpa dengan Chin Peng

bersama-sama Datuk Sir Tan Cheng Lock dan David Mashall, Ketua Menteri Singpura. Sebelum berjumpa dengan Chin Peng, Tunku meminta surat daripada Chin Peng sendiri bagi menyatakan masa dan tempat perjumpaan dan Tunku akan menghantarkan seorang pegawai menemaninya ke tempat perjumpaan itu. Bagaimanapun Tunku menyatakan beliau tidak menerima syarat supaya dihentikan tembak menembak yang dicadangkan sebagai satu syarat bagi pertemuan antaranya dengan Chin Peng. Beliau hanya menerima sekiranya syarat memberhentikan tembak menembak itu dijalankan di kawasan tempat perjumpaan itu sahaja. Tunku Abdul Rahman menyampaikan keputusannya mengenai tarikh dan tempat berjumpa dengan Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya, Chin Peng, menerusi wakilnya Chen Tian yang datang ke Kelian Intan. (Ibrahim Mahmood, 1981)

Pertemuan Tunku dengan Chin Peng berlangsung di sebuah tempat di Baling, Kedah sebagaimana yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak itu, iaitu pada 28 Disember 1955. Perjumpaan yang pertama ini berjalan selama dua hari dan bertemu kepada soal mengiktiraf Parti Komunis. Chin Peng meminta jaminan keselamatan fahaman komunis. Tunku menjawab fahaman komunis sebagai satu ideologi, kami tidak dapat berbuat apa-apa. Apa yang kami lawan dan tentang ialah kekerasan dan keganasan serta pembunuhan bagi memaksa dan melaksanakan fahaman itu kepada orang ramai negeri ini. Dalam perjumpaan yang pertama ini, kedua-dua pihak bersungguh-sungguh dalam perbincangan masing-masing. Pihak Tunku tetap dan tegas pendiriannya, tidak mahu mengiktiraf Parti Komunis itu. Akhirnya, pihak Chin Peng mengaku kalah dan tidak berkeras lagi menuntut pengiktirafan itu. Satu soal baru pula ditimbulkan iaitu berkenaan dengan orang-orang komunis yang keluar itu diminta supaya mereka tidak ditahan, tidak disiasat dan terus dibebasan mencampuri masyarakat.

Selepas itu, perjumpaan kedua diadakan. Chin Peng menegaskan bahawa pihak komunis akan meletakkan senjata dan keluar dari hutan. Tunku menegaskan, itulah perkara yang akan dibawa balik dari London kelak sambil Tunku menggesa Chin Peng menyerah diri apabila kuasa itu diperoleh. Walaupun pertemuan Tunku - Chin Peng ini tidak dapat menamatkan darurat, tetapi memberi peluang kepada Tunku mengetahui hakikat sebenar daripada perjuangan Komunis Malaya itu, bukan kerana kemerdekaan Malaya tetapi kerana mengembangkan faham Komunis.

Pertemuan rahsia antara Tunku Abdul Rahman dengan Chin Peng di Baling itu dikenali sebagai ‘Operasi Pink Gun’. Pemimpin komunis iaitu Chin Peng yang merupakan Setiausaha Agong PKM (Parti Komunis Malaya) yang

militan dan fanatik serta bijak dan licik dalam merancang perjalanan PKM (Parti Komunis Malaya), mengetuai runding bagi pihak komunis dan diiringi oleh dua orang ahli PKM (Parti Komunis Malaya) yang lain iaitu Lee Chin Hee dan Tan Kwee Cheng. Encik David Marshall iaitu Ketua Menteri Singapura dan Tan Cheng Lok pula mengiringi Tunku Abdul Rahman sebagai wakil yang mengetuai runding bagi pihak Malaya.

Rundingan Baling dimulakan antara pihak Tunku Abdul Rahman dengan pihak Chin Peng. Namun demikian, disebabkan hal-hal yang tertentu, Chin Peng enggan berbicara dengan Encik David Marshall dan ini menyebabkan Tunku terpaksa berbicara sendiri dengan Chin Peng. Sewaktu rundingan, kedua-dua pihak sebenarnya mempunyai matlamat yang sama iaitu mencapai kemerdekaan tetapi dengan cara yang berlainan. Pihak Chin Peng menginginkan pencapaian matlamat secara kekerasan dan kekejaman manakala Tunku memilih jalan diplomasi bagi mencapai kedamaian. Beliau bersetuju untuk bekerjasama dengan pihak Komunis jika pihak Komunis bersetuju meletak senjata.

Namun demikian, syarat Tunku tersebut tidak diterima oleh Chin Peng disebabkan Chin Peng berpendapat bahawa pihak British tidak akan menunaikan janjinya dengan memberikan kemerdekaan secara sepenuhnya kepada Malaya sebaliknya meminta Tunku mengiktiraf kedudukan PKM. Keengganan Tunku memenuhi permintaan PKM menyebabkan kebuntuan dalam rundingan tersebut. Dalam seluruh rundingan itu, tekad Tunku Abdul Rahman tetap tidak berubah malah menegaskan lagi pendiriannya supaya pihak PKM menyerah diri tanpa syarat. Ketegasan yang ditunjukkan oleh Tunku menyebabkan Tunku dihormati dan menjelaskan lagi status Tunku sebagai seorang pemimpin kebangsaan yang mendapat sokongan penuh seluruh rakyat dan bukan sebagai seorang wakil lantikan British bagi tujuan rundingan tersebut.

Walaupun syarat rundingan bertujuan supaya pihak Komunis menyerah diri bagi menunjukkan kesetiaan mereka kepada Malaya tidak dipersetujui oleh Chin Peng, namun demikian rundingan tersebut secara tidak langsung menolong Tunku memudahkan usahanya menjelaskan konsep demokrasi berkerajaan sendiri kepada rakyat di samping menyedarkan rakyat hakikat sebenar perjuangan pihak Komunis. Hal ini turut dapat meyakinkan pihak British kemampuan Parti Perikatan mencapai kemerdekaan negara. Ekoran daripada kegagalan rundingan tersebut, Tunku mengarahkan Ibu Pejabat UMNO dan MCA, supaya ahli-ahli parti tersebut mengadakan tunjuk perasaan dan demonstrasi seluruh negara dengan tujuan menamatkan pemerintahan

Komunis dengan memaksa pihak komunis meletak senjata. Penghidupan semula atau tawaran pengampunan dijanjikan kepada ahli Komunis yang menyerahkan diri kepada pihak berkuasa kerajaan. Demonstrasi berkenaan menyebabkan ramai daripada anggota Komunis keluar dari hutan dan menyerah diri. Antaranya ialah Ahmad Salleh, Sulaiman Ibrahim dan Hassan Ali. Akibat daripada penyerahan diri kebanyakan ahli-ahli Komunis, Chin Peng terpaksa keluar dari Malaya dan menuju ke sempadan Thailand.

Akibat perpecahan dan keruntuhan PKM pada 1 Ogos 1960, Darurat diisyiharkan tamat oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Izuddin Shah. Rundingan Baling yang menjadi suatu titik diplomasi melalui cara berdialog dengan pihak musuh bagi membawa keamanan dan diketuai oleh Tunku Abdul Rahman sebagai diplomat dan pemimpin negara, mempunyai sejarahnya yang tersendiri.

Rombongan Kemerdekaan Ke London 1956

Pada tahun 1956, Tunku mengetuai rombongan ke London bagi berbincang dengan Kerajaan British berkenaan kemerdekaan Tanah Melayu. Rombongan Tanah Melayu, yang terdiri daripada empat orang wakil Raja-raja Melayu dan empat orang wakil Parti Perikatan, dapat meyakinkan Kerajaan British supaya menetapkan tarikh kemerdekaan iaitu pada 31 Ogos 1957. Mencapai kemerdekaan secara damai memerlukan kebijaksanaan dan tolak ansur, Tunku Abdul Rahman Putra dan pemimpin-pemimpin lain seperti Tun Abdul Razak, Dato Sulaiman Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lock, Tun H.S. Lee dan Tun Sambanthan membuat sumbangan yang tidak ternilai harganya terhadap perjuangan Merdeka. (Miller, Harry, 1982)

Tunku Abdul Rahman selaku ketua mengiringi 4 orang wakil Raja-raja Melayu yang terdiri daripada Datuk Panglima Bukit Gantang, Encik Abdul Aziz bin Haji Abdul Majid, Datuk Mohammad Seth bin Mohammad Said dan Datuk Nik Ahmad Kamil bin Haji Mahmood serta wakil-wakil Perikatan yang terdiri daripada Datuk Abdul Razak bin Hussain, Col.H.S.Lee dan Dr Ismail bin Datuk Abdul Rahman ke London bagi menuntut kemerdekaan. Sebelum rombongan ini bertolak ke London, satu rundingan merdeka diadakan. Dalam rundingan tersebut, Tunku bersama wakil Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan memutuskan beberapa perkara seperti di bawah:

- Tampuk pentadbiran.
- Kuasa kewangan.

- Kuasa pertahanan dan keselamatan di dalam negeri.
- Meminda beberapa fasal dalam Perjanjian Persekutuan bagi mendapatkan kelulusan menjalankan kuasa-kuasa di atas.
- Mengadakan Suruhanjaya bebas bagi memeriksa Perlembagaan yang sedia ada dan menjalankan Perlembagaan baru bagi mendirikan Kerajaan Malaya Merdeka.

Sebelum Tunku berangkat ke London, beliau berkata, "Saya mesti memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu dan membawa kembali dari London tarikh kemerdekaan Tanah Melayu iaitu pada 31 Ogos 1957. Saya tidak akan berganjak sedikit pun kerana saya cukup yakin pada kekuatan kita mencapai kemerdekaan." (Ibrahim Mahmood, 1981) Ketika rombongan Tunku Abdul Rahman singgah di Mesir iaitu dalam perjalanan ke London, Tunku berkata, "Kami yakin rundingan di London itu akan berjaya. Kami ada mempunyai Senjata Sulit yang akan kami gunakan sekiranya British tidak menunaikan tuntutan -tuntutan rakyat Tanah Melayu." (Ibrahim Mahmood, 1981)

Pada 14 Januari 1956, Tunku Abdul Rahman dan rombongan merdeka selamat tiba di London dan dalam keadaan bersedia memperjuangkan tuntutan rakyat Tanah Melayu daripada British. Terlebih dahulu Tunku menemui Perdana Menteri British Sir Anthony Aden di Dawing Street. Dalam pertemuan tersebut, Perdana Menteri British Downing berasa simpati pada rakyat Tanah Melayu yang hendak taraf berkerajaan sendiri dengan segera. Di samping itu, Tunku juga melawat pegawai-pegawai tentera Tanah Melayu yang menghadiri khusus di Sandhurst dan penuntut-penuntut Tanah Melayu di England. Rombongan merdeka tersebut mendapat sambutan baik daripada penuntut-penuntut Tanah Melayu di England dan mereka yakin bahawa Tunku Abdul Rahman adalah Bapa Kemerdekaan Tanah Melayu. Tunku Abdul Rahman dan rombongan merdeka juga mendapat sambutan baik daripada Queen Elizabeth serta ahli keluarga Diraja British di Istana Buckingham. Pada pandangan Kerajaan British, sambutan tersebut bukan sahaja meletakkan Tunku Abdul Rahman pada taraf seorang pemimpin negara yang tertinggi dan dihormati, tetapi juga kepada bangsa dan rakyat Tanah Melayu.

Pada 18 Januari 1956, jam 10.30 pagi, rundingan yang akan menentukan nasib Persekutuan Tanah Melayu dimulakan di Lancaster House, London. Rundingan tersebut selain terdiri daripada wakil-wakil Raja-raja Melayu dan wakil-wakil Perikatan, ia juga dihadiri oleh Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan, Sir Donald Mac Gillivray dan penasihat-penasihatnya iaitu Lennox Boyd.

Tunku Abdul Rahman mengemukakan cadangan-cadangan yang dikehendaki oleh rombongan merdeka dalam persidangan tersebut iaitu perkara-perkara berkenaan dengan kedudukan kewangan, pertahanan, keselamatan dalam negeri, perkhidmatan awam dan Suruhanjaya Perlembagaan. Akibat daripada cadangan-cadangan di atas, persidangan ini menubuhkan beberapa buah jawatankuasa bagi mengurus hal ehwal pertahanan dan keselamatan, kawalan kewangan kerajaan dan melantik warganegara Tanah Melayu bagi mengetuai jabatan-jabatan Perkhidmatan Awam. Pada 28 Januari 1956, Suruhanjaya Bebas ditubuhkan bagi merangka sebuah Perlembagaan bagi Tanah Melayu. Pada 2 Februari 1956, kenyataan Lancaster House mengisyiharkan bahawa:

- Tunku akan mengumumkan tarikh kemerdekaan.
- Sebuah Kementerian Pertahanan dan Keselamatan akan ditubuhkan sebagai sebahagian daripada jabatan Ketua Menteri dan sebuah Majlis Perang akan dibentuk dengan dipengerusikan oleh Ketua Menteri; Pengarah Gerakan akan menjadi anggota majlis ini; Majlis Perang akan bertanggungjawab ke atas dasar yang berkenaan hal ehwal Darurat, tetapi semua angkatan tentera tetap terletak di bawah perintah Pengarah Gerakan. Selepas merdeka, Perjanjian Pertahanan bersama akan dirundingkan.
- Seorang Menteri Perdagangan dan Perindustrian Tanah Melayu akan menggantikan pegawai yang ada sekarang ini.
- Sebuah Jawatankuasa Perancang akan dibentuk di bawah Kabinet.
- Tanah Melayu akan diwakili dalam Persidangan Menteri-Menteri Kewangan Komanwel sebagai anggota penuh, malahan sebelum merdeka lagi.
- Dasar bahawa sebuah negara yang merdeka harus mempunyai Perkhidmatan Awamnya sendiri adalah diakui. (Tunku Abdul Rahman Putra, 1980: 78)

Pada 8 Februari 1956, Tunku Abdul Rahman dan ahli-ahli rombongannya serta Setiausaha Tanah Jajahan British Sir. Lennox Boyd menandatangani Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu di Lancaster House. Akhirnya, Tunku mengakhiri persidangan ini dengan mengatakan, "Laporan Persidangan Lancaster House yang mengandungi 9,000 perkataan itu adalah suatu rencana bersejarah yang membangkitkan minat besar bukan sahaja di Tanah Melayu tetapi di semua negeri yang menunjukkan sebegini banyak minatnya di dalam cita-cita kita mencapai taraf berkerajaan sendiri dan kemerdekaan. Sudah

sepautnya jadi demikian kerana penyata ini melahirkan sebuah kerajaan baru.” (Ibrahim Mahmood, 1981)

Kemerdekaan

Pada 31 Ogos 1957, Allahyarham Tunku Abdul Rahman dan rombongan merdeka mencapai kemerdekaan. Kejayaan ini mendapat sambutan penghargaan dan pujian akhbar-akhbar dari seluruh dunia. Sebagai contoh, akhbar *The Daily Telegraph* melaporkan, British meletakkan harapannya bulat-bulat kepada kejujuran Tunku bukan sahaja pada azamnya hendak menghapuskan keganasan tetapi juga pada kesetiaan Malaya kepada kawasan sterling.

Tanah Melayu menerima pengisytiharan kemerdekaannya tepat pada detik pertama pukul 12.00 tengah malam 30 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur bagi menandakan lahirnya sebuah negara baru yang berdaulat, setaraf dan setimpal dengan semua negara-negara yang berdaulat di dunia. Seiring dengan setiap pukulan jam bendera Union Jack diturunkan daripada tiang bendera di depan dan serentak dengan itu bendera Persekutuan Tanah Melayu yang baru merdeka dinaikkan bagi mengantikan tempatnya.

Majlis pengisytiharan tersebut selanjutnya dilaksanakan oleh Tunku Abdul Rahman selaku Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang pertama dengan laungan ‘merdeka’ pada 31 Ogos 1957 tepat pada pukul 9.30 pagi di hadapan kira-kira 20 ribu rakyat Persekutuan Tanah Melayu dan raja-raja serta perwakilan dari 30 buah negara-negara Komanwel dan negara-negara asing yang lain di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur sebaik sahaja penyerahan kuasa daripada Inggeris oleh Duke of Gloucester selaku wakil Baginda Queen kepada Tunku diadakan.

Dalam perayaan tersebut, Tunku Abdul Rahman berkata, “Bebas ... Merdeka ... Berdaulat ... itulah Persekutuan Tanah Melayu, mulai hari ini! Akan tetapi hari itu hanya merupakan bab pertama dalam sejarah negara muda yang penuh harapan ini. Di depan terbentang tugas yang besar bagi mengatur hal ehwal negara (apatah lagi keadaan Darurat belum selesai), bagi kemajuan, membangunkan negara, mencipta sebuah masyarakat baru dengan mencurahkan kesetiaan kepada raja dan negara.” (Tunku Abdul Rahman Putra, 1980: 88).

Dengan itu, bermulalah demokrasi berparlimen di mana Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Agong Tanah Melayu yang pertama dan diberi

gelaran Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selepas pengisytiharan kemerdekaan tersebut. Selain itu, Tunku Abdul Rahman mengetuai Ahli Jemaah Hakim bagi menghadiri upacara pemilihan lagu kebangsaan yang berlangsung di Dewan Polis Depoh, Kuala Lumpur. Dalam upacara tersebut, sebanyak 4 buah lagu diperdengarkan oleh Pasukan Pancaragam Polis Diraja. Akhirnya, lagu kebangsaan negeri Perak iaitu Lagu Terang Bulan yang lebih berunsurkan kemelayuan dipilih sebagai lagu kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu. Selepas mendapat persetujuan daripada Majlis Raja-raja Melayu, kerajaan memperuntukkan RM 1,000.00 kepada pengubah dan pencipta seni kata iaitu Encik Saiful Bahri. Dengan itu, lahirlah lagu ‘Negaraku’ dalam 3 versi.

Gagasan Malaysia

Tunku merupakan pegawai tertinggi Tanah Melayu yang pertama menyuarakan cadangan Gagasan Malaysia. Beliau mencadangkan supaya Singapura bercantum dengan Malaya dalam satu gagasan seawal tahun 1955 iaitu semasa persidangan UMNO diadakan. Beliau menjemput Singapura bergabung dengan Malaya dan sekali gus mendapat kemerdekaan. Enam bulan kemudian, idea itu dikembangkan oleh Tunku dan beliau menyatakan kesediaannya menerima masuk bukan sahaja Singapura tetapi juga Sarawak, Brunei dan Borneo Utara British, selepas masing-masing bebas daripada penjajah dan masuk secara sukarela.

Bagi Tunku, hanya melalui gagasan Malaysia sahaja beliau dapat membantu membebaskan wilayah-wilayah British di Borneo daripada belenggu penjajah. Tunku sedar wilayah-wilayah ini mempunyai hubungan yang erat daripada segi sejarah sebagai satu rumpun (Alam Melayu) dan mempunyai ciri-ciri yang serupa dengan Tanah Melayu. Oleh itu, lebih baik Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Brunei dan dua buah jajahan di Borneo mempunyai persekutuan politik dan ekonomi yang lebih rapat.

Tunku memastikan rakyat Sabah dan Sarawak memahami sepenuhnya konsep Malaysia dan tujuan penubuhan Malaysia. Tunku juga prihatin berkenaan kemungkinan pemimpin-pemimpinnya beranggapan beliau menggalakkan British menyerahkan wilayah-wilayah Borneo itu semata-mata bagi membesarkan Tanah Melayu. Justeru itu, Tunku berjaya mengurangkan kekeliruan yang ada di kalangan rakyat Sabah dan Sarawak. Beliau juga dapat mengurangkan keimbangan mereka berkenaan penguasaan kaum Melayu dalam Malaysia.

Soal percantuman Singapura dengan Malaya mesti ditentukan bersama oleh rakyat Singapura sendiri. Demikian ditegaskan oleh Lee Kuan Yew apabila ucapan Tunku Abdul Rahman (Mei 1961) mula diketuai oleh rakyat. Selain itu, Lee Kuan Yew mahu memastikan Singapura mempunyai kedudukan yang selesa dalam Malaysia. Pada 23 Ogos 1961, mesyuarat rasmi pertama berkaitan percantuman diadakan antara Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu. Antara persetujuan yang dicapai termasuk autonomi Singapura dalam hal-hal pendidikan dan tenaga buruh. Kerajaan pusat pula akan bertanggungjawab ke atas soal pertahanan, hubungan luar dan keselamatan dalam negeri. (Nazaruddin Mohd. Jali, 1992)

Walaupun British pada dasarnya menyokong gagasan Malaysia, namun Tunku menghadapi pelbagai rintangan daripada pihak British sendiri bagi merealisasikan gagasan ini. British mahukan Tanah Melayu bergabung dahulu dengan Singapura, manakala wilayah-wilayah British di Borneo akan disatukan di bawah satu konfederasi sebelum menyertai Malaysia. Bagaimanapun British terpaksa mengalah apabila timbul masalah di Singapura, di mana berkemungkinan Kerajaan Barisan Sosialis akan berkuasa. Bagi Tunku, percantuman dengan Singapura menimbulkan masalah imbangan kaum antara kaum Melayu dan Cina. Ini akan menimbulkan banyak masalah dan Tunku juga akan menghadapi bantahan daripada pemimpin-pemimpin Melayu. Tunku bersetuju menerima Singapura dengan syarat British bersedia membebaskan wilayah-wilayah mereka di Borneo dan bercantum dengan Tanah Melayu.

Pada 26 Jun 1961, Tunku menghantar memorandum kepada Perdana Menteri British, Harold MacMillan. Oleh kerana tiada pilihan lain, British bersetuju dengan cadangan Tunku dan mengisyiharkan secara rasminya gagasan Malaysia. Satu suruhanjaya yang dinamakan Suruhanjaya Cobbold dibentuk bagi meninjau pandangan penduduk di wilayah Borneo. Suruhanjaya itu mengadakan lawatan daripada Februari hingga April 1962. Manakala di Singapura diadakan pungutan suara dan di Brunei rundingan berlangsung dengan Sultan Omar berkenaan percantuman ini. Keputusannya, didapati lebih 70 peratus penduduk dua buah negeri itu bersetuju. Majoriti rakyat dengan rela hati bersetuju negeri mereka bergabung dengan Tanah Melayu bagi membentuk Malaysia. Singapura turut mengadakan pungutan suara yang turut menghasilkan persetujuan rakyat Singapura menyertai Malaysia yang dicadangkan. Akhirnya selepas mendapat kelulusan daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Persekutuan Malaysia diisytiharkan secara sebagai negara berdaulat dan merdeka pada 16 September 1963.

Kesimpulan

Sepanjang penglibatan Tunku Abdul Rahman dalam bidang politik, beliau banyak memberi sumbangan kepada bangsa dan negara. Beliau merupakan pembina bangsa dan cuba menyatupadukan rakyat Tanah Melayu yang berbilang kaum bagi menentang kerajaan British dan menuntut kemerdekaan untuk Tanah Melayu. Demi perpaduan orang Melayu, beliau sanggup menyuarakan bantahan kepada Malayan Union dan menghadiri perjumpaan-perjumpaan menentang Malayan Union di Alor Setar serta mengorbankan kerjayanya bagi mengambil alih teraju kepimpinan UMNO.

Sebagai seorang tokoh yang berjaya, beliau turut dikenali sebagai bapa keamanan dan perpaduan kerana sikapnya yang cintakan keamanan dan perpaduan. Beliau sanggup menerima sebarang halangan dan cabaran demi perpaduan negara. Tunku Abdul Rahman dikenang sebagai ‘Bapa Kemerdekaan’ kerana berjaya membawa Tanah Melayu keluar daripada belenggu penjajahan Inggeris. Beliau bertindak sebagai ketua negeri mewakili kerajaan British bagi menghadiri Rundingan Baling yang dianjurkan oleh pihak parti Komunis Malaya. Ini berjaya mencipta imej beliau sebagai pencinta kedamaian.

Tunku Abdul Rahman akhirnya membuktikan beliau sebagai pemimpin Malaysia yang paling berjaya apabila beliau menyatukan rakyat Malaysia dan mencapai kemerdekaan bagi Tanah Melayu. Kejayaan beliau menunjukkan beliau sanggup berkorban untuk negara demi menyelesaikan masalah politik negara. Tunku Abdul Rahman juga berjaya menggabungkan Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Tanah Melayu dan melahirkan konsep Malaysia pada 16 September 1963 tetapi beliau terpaksa membiarkan Singapura menarik diri daripada Malaysia pada 9 September 1965. Bagi Tunku Abdul Rahman, tindakan ini perlu dilakukan demi keamanan negara ketika itu. Jelaslah, sumbangan beliau adalah suatu pengorbanan yang tidak terkata nilainya dalam sejarah politik negara. Walaupun Tunku Abdul Rahman telah lama meninggalkan kita dan dunia ini, tetapi jasa dan usaha beliau yang tidak kenal putus asa sentiasa dikenang oleh semua rakyat Malaysia selama-lamanya.

Bibliografi

- Ahmad Fawzi Basri, (1991) *Bumi Dipijak Milik Orang*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Aziz Zariza Ahmad, (1987) *Putera Negara Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj*. Firma (M) Publishing Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.

- Ibrahim Mahmood, (1981) *Sejarah Perjuangan Bahasa Melayu*, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, *Allahyarham Tunku Abdul Rahman*, <http://www.planetklik.com.my/sj/media/tokoh>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, *Sejarah Malaysia*, <http://www.anuar.hypermart.net/for-mula/sejarah.Html>.
- Miller, Harry, (1982) *Prince & Premier- A Biography of Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj*, Eastern University Press, Selangor Darul Ehsan.
- Nazaruddin Haji Mohd Jali, (1992) *Kenegaraan Malaysia 1: Sejarah Awal dan Kemerdekaan*, Kumpulan Budiman, Kuala Lumpur.
- Tunku Abdul Rahman Putra, (1980) *Pandang Balik*, Heinemann Educational (Asia) Ltd, Kuala Lumpur.
- Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, (1984) *Malaysia The Road To Independence*, Pelanduk Publications, Selangor Darul Ehsan.
- Tunku Abdul Rahman, (1978) *Viewpoints*, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd, Kuala Lumpur.
- Tunku Abdul Rahman Putra, (1983) *Les We Forget – Further Candid Reminiscences*, Eastern Universities Press (M) Sdn. Bhd., Petaling Jaya.
- Tunku Abdul Rahman Putra, (1986) *Political Awakening*, Pelanduk Publications, Petaling Jaya.
- Yusof Ismail dan Khayati Ibrahim, (1996) *Politik Melayu dan Demokrasi*, A. S. Noordeen, Kuala Lumpur.